

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: PERASMIAN LOJI YTL POWER GENERATION

TEMPAT: PAKA, TERENGGANU

TARIKH: 31 OCT 1994

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada YTL Power Generation yang telah menjemput saya untuk merasmikan loji gas tarbinnya pada hari ini.

2. Pertumbuhan ekonomi negara yang pesat sejak lapan tahun yang lalu telah menyebabkan permintaan yang meningkat tinggi bagi kuasa elektrik. Dalam tempoh tersebut, permintaan bagi tenaga elektrik telah meningkat pada kadar purata 11 peratus setahun. Kadar pertumbuhan yang tertinggi dicatat dalam tahun 1993, iaitu sebanyak 15.8 peratus. Pertumbuhan yang pesat ini telah mengakibatkan masalah kapasiti penjanaan yang serius.

3. Keadaan ini adalah antara sebab terputusnya bekalan elektrik hampir ke seluruh Semenanjung pada bulan September 1992. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mempercepatkan penambahan kapasiti. Ini bukan sahaja dilaksanakan melalui penambahan kapasiti oleh pihak utiliti, malah Kerajaan juga telah memperkenalkan 'Independent Power Producers' (IPP) untuk turut menjana kuasa elektrik di negara ini. Dengan terlaksananya program ini, bermulalah satu era baru dalam sektor penjanaan kuasa elektrik, di mana satu bentuk persaingan telah diwujudkan.

4. Setakat ini, di Semenanjung Malaysia, sebanyak lima IPP telah diberi lesen dengan jumlah kapasiti penjanaan sebanyak 4,070 mw. Ini merupakan 54 peratus daripada jumlah kapasiti tambahan di Semenanjung Malaysia dalam tempoh sehingga tahun 2000. Tiga daripada IPP berkenaan dilaksanakan di bawah program 'fast track'. Pada masa ini Kerajaan sedang mengadakan perundingan dengan beberapa IPP lagi untuk menambah kapasiti penjanaan di beberapa kawasan tertentu di negara ini termasuk di Sabah.

5. YTL Power Generation merupakan IPP yang pertama diberi lesen untuk menjana kuasa elektrik. Kapasitinya ialah 1,212 mw, dijana di dua lokasi, iaitu Paka dan Pasir Gudang. Loji di Paka ini mengandungi 548 mw jenis 'open cycle', yang kemudiannya akan ditambah sebanyak 260 mw lagi dengan menggunakan 'steam turbine'. Loji di Pasir Gudang pula, mengandungi 274 mw jenis 'open cycle' dan 130 mw jenis 'steam turbine'. Penggunaan 'steam turbine' ini akan menambah kecekapan loji ini, di samping menjadikan stesen janakuasa ini lebih 'environmentally friendly'.

6. Saya mengucapkan syabas kepada YTL Power Generation kerana telah berjaya menyiapkan loji tarbin gas pertama bagi projek ini tujuh bulan lebih awal daripada jadual kontrak, walaupun menghadapi berbagai-bagai masalah sebagai IPP perintis di negara ini. Saya difahamkan bahawa keseluruhan projek ini dijangka siap pada November 1995. Namun begitu dengan prestasi yang telah ditunjukkan oleh pihak YTL, saya percaya projek ini mungkin dapat disiapkan lebih awal lagi.

7. Dengan penambahan kapasiti yang sedang dilaksanakan sekarang, insya-Allah, negara tidak perlu kuaratir dengan masalah bekalan elektrik lagi. Namun demikian, kita harus berwaspada untuk memastikan bahawa keseluruhan sistem bekalan elektrik berjalan dengan baik. Pihak transmisi kuasa, iaitu Tenaga Nasional Berhad sedang memperkukuhkan sistem penghantaran dan pengagihan elektrik di seluruh negara, terutamanya di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti sebagai pusat pertumbuhan ekonomi. Sistem bekalan elektrik yang efisien dan berkualiti, iaitu dengan 'voltage' yang stabil adalah penting dalam usaha Kerajaan untuk membangunkan industri, terutama bagi industri yang berteknologi tinggi dan yang menggunakan tenaga elektrik yang banyak dan berkualiti.

8. Dengan bermulanya penjanaan oleh 'Independent Power Producers' seperti YTL Power Generation ini, kedudukan 'reserve margin' akan bertambah kukuh. Ianya akan menjangkau melebihi paras 35 peratus, berbanding dengan 'reserve margin' yang amat rendah dalam tahun 1993. Memandangkan kedudukan kapasiti penjanaan yang agak tinggi pada masa ini, saya ingin mencadangkan supaya usaha terus diambil untuk menggalakkan penggunaan tenaga elektrik, terutama bagi tujuan meningkatkan produktiviti dalam sektor ekonomi. Langkah ini adalah wajar memandangkan kadar penggunaan elektrik per kapita bagi Malaysia adalah rendah iaitu 1,380 kilowatt jam seorang berbanding dengan 5,659 kilowatt jam seorang bagi Singapura.

9. Saya juga berharap supaya pihak berkuasa tempatan menggunakan tenaga elektrik ini di waktu 'off-peak hours', seperti menyalakan lampu-lampu jalan raya dan papan-papan iklan di waktu malam untuk mencantikkan lagi suasana malam di bandar-bandar di negara ini. Sesuatu yang menarik di negara-negara maju ialah kedai-kedai menghiaskan bahagian hadapan kedai atau 'shop windows' mereka dengan mempamerkan barangan-barangan cantik yang hendak dijual. 'Shop windows' ini dipasang lampu sepanjang malam. Di Malaysia kita menutup hadapan kedai dengan pintu besi yang amat tidak menarik. Dengan itu, bandar-bandar kita tidak cerah dan tidak menarik.

10. Penyertaan sektor swasta dalam industri elektrik telah dapat mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh TNB sebagai 'public utility.' Walaupun TNB adalah syarikat swasta, tetapi permintaan untuk elektrik begitu besar sehingga tidak mungkin TNB membangunkan stesen janakuasa dalam jangkamasa yang singkat. Sebab itulah Kerajaan

memberi peluang kepada pihak lain memasuki dalam bidang ini. Ini adalah selaras dengan dasar penswastaan Kerajaan.

11. Dengan wujudnya 'Independent Power Producers', Kerajaan juga telah mengukuhkan aspek 'regulatory' untuk memastikan kepentingan pengguna terpelihara dan wujud efisiensi dalam sektor elektrik. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk melengkapkan lagi persaingan dalam sektor ini. Baru-baru ini Kerajaan telah melancarkan 'grid code' untuk mengawal operasi sistem bekalan elektrik supaya lebih efisien dengan kos terendah. Saya percaya dengan terlaksananya 'grid code' ini, sistem bekalan elektrik di negara ini akan lebih stabil dan terjamin.

12. Satu perkara yang dilihat semasa pelaksanaan projek IPP ini adalah pergantungan kepada kepakaran dan perkhidmatan dari luar negeri. Saya yakin perkara ini boleh diatasi melalui program latihan dan pemindahan teknologi yang sistematik.

13. Pelaburan dalam pembangunan sumber manusia melalui latihan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan seperti ini perlu dilakukan secara berterusan. Walau bagaimanapun, banyak syarikat enggan melakukannya kerana pelaburan dalam bidang ini adalah 'intangibile' dan pulangnya memakan masa yang lama. Bagi memperkukuhkan persaingan syarikat-syarikat Malaysia secara global, pelaburan dalam bidang ini perlu diberi tumpuan. Hanya dengan memiliki harta intelek, kita akan mampu menangani cabaran masa akan datang yang semakin kompleks. Justeru itu, saya ingin menggesa syarikat-syarikat asing yang terlibat dalam pelaksanaan projek-projek IPP memberi perhatian yang serius kepada usaha memindahkan kepakaran mereka kepada rakyat tempatan dalam masa sesingkat mungkin.

14. Dengan pembangunan sektor elektrik di negara ini ke tahap yang lebih matang, sudah sampai masanya bagi pihak swasta berusaha untuk menceburi bidang pembuatan komponen bagi industri bekalan elektrik ini. Saya menyeru kepada syarikat-syarikat yang berhasrat untuk melabur di dalam sektor ini supaya menumpukan kepada pengeluaran komponen.

15. Sememangnya, bidang pengeluaran komponen ini adalah lebih rumit dan mencabar, tetapi pulangnya juga adalah besar sekiranya barangan komponen yang berkualiti dan setanding dapat dikeluarkan.

16. Bagi menjayakan bidang ini, semangat keusahawanan yang wujud di kalangan sektor swasta perlu ditingkatkan dan langkah-langkah yang strategik perlu diatur. Bagi pihak Kerajaan, usaha yang bersungguh-sungguh sedang dibuat untuk melahirkan usahawan melalui program 'vendor' dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Bank-bank Perdagangan, Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya berharap, usahawan-usahawan yang berkebolehan akan tampil segera untuk merebut peluang yang diwujudkan oleh Kerajaan.

17. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Loji YTL  
Power Generation di Paka.